



Susunan SHEILA RANI  
CHANDRASEKARAN  
sheila.rani@mediamulia.com.my

**B**RITAIN kehilangan hampir separuh sumber biodiversiti negara itu sejak era Revolusi Perindustrian. Malah, lebih 400 spesies meliputi mamalia, burung dan tumbuhan-tumbuhan sudah pupus sejak 200 tahun lalu.

Lebih membimbangkan, sebanyak 1,188 spesies lagi dikhawatir berdepan situasi sama dalam tempoh 10 tahun akan datang melainkan tindakan pantas diambil untuk memuliharkan kesan perubahan iklim akibat perbuatan manusia.

Lapor *Daily Mail*, sebanyak 13 peratus

# Lebih 400 spesies pupus di Britain

daripada 8,431 spesies di Britain yang dinilai pakar konservasi, diklasifikasikan sebagai diancam kepupusan.

Jumlah itu merangkumi 440 tumbuhan, 232 kulat dan lumut, 111 vertebrata dan 405 invertebrata.

Sejak tahun 1970

sahaja, sebanyak 133 spesies sudah hilang yang terdiri daripada semut, lebah, kumbang, kupu-kupu, pepatung, ikan, kutu, kulat, mamalia, rama-rama, udang, labah-labah dan tebuan.

Menurut pakar, lebih satu perempat daripada 107 spesies mamalia di United Kingdom (UK) berisiko

pupus.

Sebanyak 68 spesies ikan di Britain berada di bawah senarai merah spesies terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN).

Sekurang-kurangnya satu daripada tujuh spesies

reptilia di Britain juga diancam kepupusan atau sudah pupus baru-baru ini.

Spesies burung juga dikatakan tidak selamat apabila data Rangkaian Biodiversiti Kebangsaan menunjukkan sebanyak 43 peratus burung di negara itu berisiko kepupusan.

## MAMALIA

**MENURUT** The Mammal Society, terdapat 107 spesies mamalia di UK yang mana 47 daripadanya adalah mamalia darat dan berasal dari Britain.

Kata pakar, lebih satu perempat atau 26 peratus berada di bawah ancaman, dengan kucing liar dan kelawar telinga tikus paling berisiko.

Spesies memerang, kelawar telinga panjang dan tupai merah dikatakan terancam manakala landak, hazel dormouse, Orkney vole, kelawar Serotine dan kelawar Barbastele dianggap halwan berisiko.

## IKAN

HANYA satu spesies ikan iaitu burbot sudah pupus di Britain sejak 200 tahun lalu.

Kali terakhir burbot ditemukan di Britain

adalah pada 1969.

Antara faktor kepupusan spesies itu disebabkan perubahan iklim, pencemaran dan masalah penangkapan ikan berlebihan.

Beberapa jenis ikan lain di sekitar UK juga berhadapan ancaman kepupusan.

Sebanyak 68 spesies ikan di

Britain berada dibawah senarai merah spesies terancam IUCN termasuk halibut dan tuna sirip biru Atlantik serta belut Eropah.

Pelbagai jerung seperti pengirik dan hammerhead juga terancam manakala spesies ikan salmon mengalami penurunan yang ketara sejak 1960-an.

## BURUNG

HAMPIR separuh atau 43 peratus spesies burung di Britain berisiko kepupusan.

Laporan dikeluarkan oleh British Trust for Ornithology menyenaraikan lebih banyak spesies burung dalam senarai merah organisasinya berbanding sebelum ini.

Ia kini memasuki 70 spesies lagi yang antara lain terdiri daripada puffin Atlantik, whimbrel dan burung merpati penyu.